



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 78

AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, bagi National Registration Act 1959. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959

Pertama kali diperbuat 1959 (Akta No. 12
tahun 1959)

Disemak 1972 (Akta 78 m.b.p.
1 Jun 1972)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1966

Cetakan Semula Yang Kedua 1994

Cetakan Semula Yang Ketiga 1999

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 78****AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah
- 3A. Pelantikan Pengarah
- 3B. Pelantikan pegawai pendaftaran dan ejen pendaftaran
- 3C. Pekhidmat awam
4. Pewujudan daftar
5. Pendaftaran
6. Peraturan-peraturan
7. (*Dipotong*)
- 7A. Bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Satu
8. Obligasi supaya memiliki dokumen perjalanan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 78

AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran orang di Malaysia, bagi pengeluaran kad pengenalan dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

[*Semenanjung Malaysia—1 Ogos 1960, L.N. 150/1960;*
 **Sarawak—30 Mac 1966, P.U. 103/1966;*
 **Sabah—1 Jun 1972, P.U. (B) 2/1972;*
 Wilayah Persekutuan Labuan—16 April 1984,
 P.U. (A) 200/1985]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Negara 1959.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Pendaftaran Negara yang dilantik di bawah seksyen 3;

“pegawai pendaftaran” ertinya—

- (a) Ketua Pengarah Pendaftaran Negara dan Timbalan Pengarah Pendaftaran Negara yang dilantik di bawah seksyen 3;
- (b) Pengarah Bahagian Kad Pengenalan yang dilantik di bawah seksyen 3A;
- (c) Pengarah Pendaftaran Negara bagi tiap-tiap Negeri yang dilantik di bawah seksyen 3A;

*CATATAN—Lihat P.U. 61/1966 untuk peluasan dan ubah suaian Akta ini ke Sabah dan Sarawak.

- (d) mana-mana pegawai pendaftaran yang dilantik di bawah perenggan 3B(1)(a);
- (e) mana-mana ejen pendaftaran yang dilantik di bawah perenggan 3B(1)(b).

Pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah

3. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang Ketua Pengarah dan seorang Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara bagi maksud Akta ini.

(2) Tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri, Ketua Pengarah boleh menjalankan kuasa yang diberi, dan hendaklah melaksanakan tugas yang dipertanggungkan, ke atasnya di bawah Akta ini.

(3) Bagi maksud Akta ini, dan tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara boleh menjalankan semua kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah dan hendaklah melaksanakan semua tugas Ketua Pengarah dan, semasa ketiadaan Ketua Pengarah, boleh bertindak sebagai wakilnya.

Pelantikan Pengarah

3A. (1) Menteri boleh melantik seorang Pengarah Bahagian Kad Pengenalan di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara dan seorang Pengarah Pendaftaran Negara bagi setiap Negeri bagi maksud Akta ini.

(2) Tertakluk kepada arahan dan kawalan am Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian Kad Pengenalan di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara dan Pengarah Pendaftaran Negara bagi setiap Negeri hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa dan melaksanakan semua tugas Ketua Pengarah.

Pelantikan pegawai pendaftaran dan ejen pendaftaran

3B. (1) Ketua Pengarah boleh melantik—

- (a) beberapa orang pegawai pendaftaran; dan
- (b) beberapa orang ejen pendaftaran, dari mana-mana orang yang bukan pekhidmat awam,

sebagaimana difikirkannya wajar dan perlu.

(2) Ketua Pengarah boleh, dalam hal yang berkaitan dengan mana-mana perkara atau kelas perkara, melantik mana-mana pegawai pengangkutan jalan atau, pegawai imigresen atau mana-mana pegawai dari mana-mana jabatan Kerajaan menjadi pegawai pendaftaran bagi maksud Akta ini, dan seseorang yang telah dilantik itu hendaklah menjalankan kuasa dan melaksanakan tugasnya tertakluk kepada arahan dan kawalan dari Ketua Pengarah.

(3) Seseorang yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Sabah atau Kerajaan Negeri Sarawak tidak boleh dilantik sebagai pegawai pendaftaran tanpa keizinan bertulis terdahulu daripada Kerajaan Negeri.

Pekhidmat awam

3c. Semua pegawai pendaftaran hendaklah dianggap sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574].

Pewujudan daftar

4. (1) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan supaya disimpan dan disenggarakan suatu daftar mengenai semua orang di Malaysia yang dikehendaki supaya mendaftar di bawah Akta ini.

(2) Daftar itu hendaklah dalam bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa butir-butir yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 6.

Pendaftaran

5. Tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang boleh diberikan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 6, tiap-tiap orang dalam Malaysia hendaklah didaftarkan di bawah dan mengikut Akta ini.

Peraturan-peraturan

6. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud Akta ini.

(2) Tanpa menjaskan kluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan berkenaan dengan—

(a) cara bagaimana dan tempat di mana permohonan untuk pendaftaran orang hendaklah dibuat;

- (b) penubuhan suatu pejabat pendaftaran pusat;
- (c) maklumat dan dokumen yang diberikan bagi maksud pendaftaran;
- (d) mengambil dan merekod fotograf dan cap jari dan ibu jari orang yang dikehendaki didaftarkan;
- (e) pengeluaran dan bentuk kad pengenalan dan butir-butir yang hendaklah dicatatkan dalamnya;
- (f) pemeriksaan kad pengenalan oleh orang yang menjaga hotel dan rumah penginapan dan golongan atau perihal lain-lain orang;
- (g) pengeluaran gantian kad pengenalan;
- (h) menghendaki orang yang telah mendapat kad pengenalan (atau gantiannya) sebelum mencapai umur lapan belas tahun supaya mendaftar semula dalam tempoh tiga puluh enam bulan selepas luput enam tahun dari tarikh kad itu dikeluarkan;
- (i) menghendaki orang yang telah mendapat kad pengenalan atau gantiannya supaya mendaftar semula dalam tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dari tarikh pendaftaran mereka yang terakhir sebelumnya;
- (j) caj maksimum yang boleh dibuat bagi, dan syarat yang boleh dikenakan ke atas, pengambilan fotograf oleh mana-mana orang;
- (k) penyerahan sementara kad pengenalan;
- (l) jagaan dan menunjukkan kad pengenalan;
- (m) masa dan tempat untuk pemohon dan pemegang kad pengenalan hadir di hadapan seseorang pegawai pendaftaran;
- (n) penyiaran maklumat yang didapati dari daftar;
- (o) pembuatan pembetulan pada dan pindaan dalam daftar dan kad pengenalan;
- (p) penyediaan, jagaan dan pemeriksaan indeks bagi daftar dan pengeluaran cabutan dari daftar;
- (q) fi yang dikenakan dan syarat yang di bawahnya fi itu boleh tidak dipungut;

- (r) anggapan yang berhubungan dengan pembuktian dokumen yang disimpan di bawah Akta ini dan yang dikeluarkan di bawah tandatangan seseorang pegawai pendaftaran selain ejen pendaftaran;
- (s) pemberian dan penjalanannya kuasa untuk menangkap dan menggeledah;
- (t) pengecualian mutlak atau bersyarat bagi mana-mana orang atau kategori orang daripada Akta ini;
- (u) pengenaan penalti kerana apa-apa pelanggaran mana-mana peraturan dan *penalti tersebut tidak boleh melebihi denda sebanyak lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh lima tahun atau kedua-duanya; dan
- (v) penyerahan dan penggantian kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang telah dimansuhkan yang berhubungan dengan pendaftaran orang dalam apa-apa tempoh dan dalam mana-mana kawasan sebagaimana yang diperuntukkan dari semasa ke semasa dalam peraturan-peraturan itu.

7. (Dipotong oleh Akta A1114).

Bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Satu

7A. Walau apa pun peruntukan undang-undang bertulis yang berlawanan, seorang Majistret Kelas Satu hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan mengaward hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan sedemikian.

Obligasi supaya memiliki dokumen perjalanan

8. Tiada apa-apa juga dalam Akta ini boleh disifatkan sebagai melepaskan mana-mana orang daripada apa-apa obligasi di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain supaya memiliki pasport atau apa-apa juga pun dokumen perjalanan yang lain.

*CATATAN—Dahulunya dengan syarat bahawa tiada sesuatu penalti itu boleh melebihi denda sebanyak tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya—lihat Akta A1114

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 78

AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. 61/1966	Perintah Ubah Suaian Undang-Undang (Pendaftaran Negara) (Borneo) (Pemerluasan dan Ubah Suaian) 1966	30-03-1966 bagi Sarawak (lihat Sarawak L.N.(F) 31/1966) 01-06-1972 bagi Sabah (lihat Sabah G.N.S. 2/1972)
P.U. (B) 324/1970	Pemberitahuan di bawah seksyen 3 Ordinan Nama Jawatan 1949	01-01-1971
P.U. (A) 120/1972	Pemberitahuan di bawah seksyen 3 Ordinan Nama Jawatan 1949	05-05-1972
Akta A156	Akta Pendaftaran Negara (Pindaan) 1972	27-04-1967
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A327	Akta Kanun Keseksaan (Pindaan dan Peluasan) 1976	31-03-1976
Akta A1114	Akta Pendaftaran Negara (Pindaan) Akta 2001	s. 2, 3, 4: 01-11-2000 peruntukan selebihnya 06-07-2001

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 78****AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	P.U. (B) 324/1970	01-01-1971
	P.U. (A) 120/1972	05-05-1972
	Akta A1114	01-11-2000
3	P.U. (B) 324/1970	01-01-1971
	P.U. (A) 120/1972	05-05-1972
	Akta A1114	01-11-2000
3A	Akta A1114	01-11-2000
3B	Akta A1114	01-11-2000
3C	Akta A1114	01-11-2000
6	Akta A156	27-04-1967
	Akta 160	29-08-1975
	Akta A1114	06-07-2001
7	Akta A1114	06-07-2001
7A	Akta A1114	06-07-2001
